

Laporan PBB jadi pengukur usaha KPKT

UTUSAN ONLINE | 28 Ogos 2019 8:07 PM



ZURAIDA KAMARUDDIN

10

PUTRAJAYA 28 Ogos - Walaupun hasil laporan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) berhubung peratusan kemiskinan Malaysia masih menjadi pertikaian ramai, namun masih boleh dijadikan kayu pengukur dalam usaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) merangka program-program bagi mengeluarkan rakyat daripada garis kemiskinan.

Menterinya, Zuraida Kamaruddin berkata, laporan itu perlu dilihat secara positif kerana jika benar kemiskinan berada pada tahap tinggi, kementerian perlu menggandakan usaha bagi memastikan kaedah atau pendekatan lebih jitu diambil untuk membela golongan berkenaan.

"Tetapi jika dalam kadar kemiskinan lebih rendah, ia juga baik sebab kita tidak perlu memperuntukkan kewangan yang banyak untuk kategori tersebut," katanya dalam sidang media selepas melancarkan Kayuhan Wanita 2019 Semarak Dasar Komuniti Negara di sini hari ini.

Pelapor Khas Kemiskinan dan Hak Asasi Manusia PBB, Philip Alston baru-baru in dilaporkan berkata kadar kemiskinan negara 0.4 peratus pada 2016 tidak realistik, kerana penanda arasnya yang rendah, dan sebaliknya kata beliau kadar kemiskinan yang sebenar di Malaysia adalah lebih tinggi, menjangkau 15 peratus.

Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali bagaimanapun menolak laporan itu dan mempertahankan kadar kemiskinan yang direkodkan kerana menurutnya Malaysia mengguna pakai standard berdasarkan Canberra Group Handbook on Household Income Statistic, Edisi Kedua (2011) yang diterbitkan PBB untuk mengukur kadar kemiskinan negara.